

# PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 8 Tahun 2021

## PEKELILING PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) BAGI PELAJAR DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 1: 1 – 14 JUN 2021

### 1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan memaklumkan mengenai Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi pelajar di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1-14 Jun 2021 sebagai usaha mengekang dan memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 YB Menteri Kanan Keselamatan dalam sidang media bersama Ketua Pengarah Kesihatan pada 22 Mei 2021 telah memaklumkan berkenaan sekatan tambahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.
- 2.2 Kenyataan Media Pejabat Perdana Menteri pada 28 Mei 2021 berdasarkan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Mengenai Pengurusan COVID-19, telah memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun ‘total lockdown’ Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021.
- 2.3 Sesi libat urus bersama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi serta Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi bersama semua wakil Universiti Awam, Universiti Swasta dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah diadakan pada 29 Mei 2021.

- 2.4 Ringkasan Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) (Dibenarkan) 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021 yang dikeluarkan pada 30 Mei 2021.
- 2.5 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (Khas) pada 30 Mei 2021 telah bersetuju meluluskan Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi pelajar di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1-14 Jun 2021 berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021.

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Arahan Pelaksanaan ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA.
- 3.2 Garis Panduan Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi pelajar di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1-14 Jun 2021 adalah seperti di Lampiran A.

### **4.0 PEMBATALAN**

- 4.1 Dengan berkuat kuasa pekeliling ini maka pekeliling dan surat pemakluman berikut adalah dibatalkan:
  - (a) Pekeliling Naib Canselor Bilangan 7 Tahun 2021: Pekeliling Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.
  - (b) Surat pemakluman Ralat Pekeliling Naib Canselor Bilangan 7 Tahun 2021: Pekeliling Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0

### **5.0 TARIKH DIKELUARKAN**


Pekeliling ini dikeluarkan pada 31 Mei 2021

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021

## 7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.
- 7.2 Kegagalan pelajar UiTM untuk mematuhi pekeliling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



**PROFESOR TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*

Ahli Majlis Eksekutif Universiti  
Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian Kejuruteraan)  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Pengarah Pembangunan Pelajar  
Pengarah Pembangunan Akademik  
Pengarah Pusat Kesihatan  
Semua Pengetua Kolej Kediaman  
Semua Pengurus Asrama Kolej Kediaman  
Ketua Polis Bantuan UiTM  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar  
Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej  
Semua Warga UiTM  
Semua Pelajar UiTM

Bil. Fail : 100-UiTM (NC. 6/2)  
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 8/2021

## LAMPIRAN A

### **GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) BAGI PELAJAR DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 1: 1-14 JUN 2021**

#### **TUJUAN**

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan Panduan Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi pelajar di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1-14 Jun 2021.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Susulan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak sejak kebelakangan ini, pelbagai usaha berterusan untuk mengekang dan memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19.
3. Selaras dengan pelaksanaan PKP Fasa 1 serta mengambil kira keperluan pengajaran dan pembelajaran, panduan pengoperasian disediakan dalam memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar UiTM.

#### **TANGGUNGJAWAB PELAJAR**

4. Semua pelajar UiTM perlu mengetahui kedudukan mereka di dalam rantaian kontak wabak COVID-19 seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan warga universiti.
5. Semua pelajar adalah bertanggungjawab mematuhi dan melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh UiTM dari semasa ke semasa.

## TANGGUNGJAWAB KETUA PTJ

6. Memastikan semua pelajar di PTJ mematuhi, memahami dan melaksanakan arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pengurusan UiTM.
7. Memastikan semua pelajar di PTJ masing-masing mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19.

## PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

8. Pelaksanaan SOP untuk pelajar UiTM di dalam tempoh PKP Fasa 1: 1-14 Jun 2021 adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Penerangan Ringkas
1.	Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19	Semua pelajar yang berada di kampus atau di rumah masing-masing adalah <b>diwajibkan</b> untuk membuat Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad.
2.	Keberadaan di kampus	Pelajar yang berada di kampus <b>diminta kekal</b> berada di kampus masing-masing.
3.	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	<p>Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah <b>dilaksanakan secara dalam talian</b>.</p> <p>Hanya pelajar penyelidikan pasca siswazah yang penyelidikannya sangat kritikal, tidak boleh ditangguhkan serta memerlukan kemudahan makmal dibenarkan meneruskan aktiviti penyelidikan masing-masing secara individu di dalam makmal. Bagi keperluan ini, pelajar perlu memohon kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) terlebih dahulu.</p>

Bil	Aktiviti	Penerangan Ringkas
4.	Peperiksaan Antarabangsa dan Badan Profesional	Pelajar yang menduduki peperiksaan antarabangsa dan badan profesional adalah dibenarkan.
5.	Pergerakan Masuk dan Keluar Pelajar	<p>a. Tiada sebarang pergerakan masuk dan keluar pelajar dalam tempoh PKP Fasa 1. Pelajar yang belum kembali ke kampus hendaklah kekal berada di rumah masing-masing.</p> <p>b. Pelajar yang berada di kampus dan telah menyempurnakan sesi praktikal/ padang/ dapur/ klinikal atau peperiksaan sebelum PKP Fasa 1 hanya boleh dibenarkan pulang selepas tarikh 14 Jun 2021 sekiranya tiada pelanjutan sekatan pergerakan penuh atau sekatan pergerakan.</p> <p>c. Pelajar pascasiswa yang tinggal di luar adalah tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan kampus. Sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, ia adalah secara case by case dan pelajar perlu menginap di kolej kediaman (tertakluk kepada kekosongan) dan mengikut SOP yang telah ditetapkan (termasuk keperluan isolasi).</p> <p>d. Mana-mana pelajar yang membawa kenderaan dalam kampus tidak dibenarkan membawa kenderaan mereka keluar kampus. Bagi keperluan berkenaan penjagaan kenderaan masing-masing seperti memastikan enjin dan bateri kenderaan sentiasa dalam keadaan baik, pelajar boleh berhubung dengan pengetua kolej untuk mendapatkan nasihat.</p> <p>e. Tiada perkhidmatan bas sekitar kampus disediakan.</p>

Bil	Aktiviti	Penerangan Ringkas
		<p>f. Pergerakan pelajar hanya di sekitar kolej kediaman dan Gerai makan/ kafeteria/kedai runcit/kiosk dengan SOP dan tidak secara berkumpulan.</p> <p>g. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan adalah secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal terhad kepada jogging dan senaman sahaja. Perlu mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2-3 meter dan dilakukan di kawasan kampus sahaja (bagi yang berada di kampus) bermula 7.00 pagi sehingga 8.00 malam.</p> <p>h. Bagi sebarang keperluan mendesak, pelajar hendaklah berhubung dengan Pengurusan Kolej masing-masing.</p>
6.	Pergerakan Bagi Tujuan Vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV)	Pergerakan bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi pelajar yang menginap di kolej kediaman adalah menggunakan kenderaan Universiti dan hendaklah bersama Pegawai Pengiring. Pelajar perlu terus pulang ke kampus selepas selesai temujanji vaksin menggunakan kenderaan yang telah disediakan.
7.	Perniagaan dan Perkhidmatan	<p>Gerai makan, kafeteria, kedai runcit atau kiosk di dalam kawasan kampus adalah dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.</p> <p>Pelajar dibenarkan untuk membeli makanan atau keperluan peribadi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagi pelajar yang memerlukan sokongan dan bantuan kewangan, boleh memajukan permohonan kepada Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM di kampus masing-masing.</p>
8.	Pelajar Antarabangsa	Pelajar Antarabangsa perlu kekal mengikut kepada SOP yang telah ditetapkan.

Bil	Aktiviti	Penerangan Ringkas
9.	Nasihat Kesihatan	<p>a. <b>Elakkan 3S/3C:</b> iaitu kawasan Sesak (<i>Crowded place</i>), kawasan Sempit (<i>Confined space</i>) dan elakkan Sembang dengan jarak dekat (<i>Close conversation</i>).</p> <p>b. <b>Amalkan 3W:</b> iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun dengan cara yang betul (<i>Wash</i>), memakai alat pelitup muka (<i>facemask</i>) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (<i>Wear</i>) dan patuhi amaran (<i>Warn</i>) dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Elak bersentuhan atau bersalaman dengan apa-apa kaedah termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai mengantikan bersalaman;</li> <li>• Amalkan etika batuk dan bersin;</li> <li>• Dapatkan rawatan jika bergejala;</li> <li>• Duduk di kolej kediaman masing-masing dan elakkan pergerakan tanpa tujuan;</li> <li>• Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan ruang belajar yang kerap disentuh.</li> </ul>